


**SEKOLAH MENENGAH PAY FONG**  
**PEPERIKSAAN PENEMPATAN MENENGAH RENDAH SATU**  
**SESI PERSEKOLAHAN 2024**  
**BAHASA MELAYU**

Nama : \_\_\_\_\_  
Tarikh: 14 Oktober 2023 (Sabtu) 

Angka Giliran: \_\_\_\_\_  
Masa: 9.00 pagi ~ 9.50 pagi

**Arahan:**

- Jawab **Bahagian B** dan **Bahagian C** pada kertas soalan ini.

**BAHAGIAN B: AYAT YANG SAMA MAKSDUD (10%)**

Pilih dan tandakan () bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

1. **Farhan mengetuk sebatang paku pada tiang pondok.**

Tiang pondok Farhan diketuk sebatang paku.

Sebatang paku diketuk oleh Farhan pada tiang pondok.

2. **Ibu bapa perlu memastikan masa lapang anak-anak diisi dengan baik.**

Ibu bapa haruslah memastikan anak-anak mengisi masa lapang dengan baik.

Ibu bapa dan anak-anak perlu memastikan masa lapang mereka diisi dengan baik.

3. **Seekor kambing dibelit oleh seekor ular sawa sehingga mati.**

Seekor kambing mati membabit seekor ular sawa.

Seekor ular sawa membabit seekor kambing sehingga mati.

4. **“Terima kasih kerana membantu saya,” kata Lina kepada Saras.**

Saras mengucapkan terima kasih kepada Lina kerana membantunya.

Lina mengucapkan terima kasih kepada Saras kerana membantunya.

5. **Chong Han mengangkat sebuah baldi berisi air untuk membasuh motosikal.**

Sebuah baldi berisi air diangkat oleh Chong Han untuk membasuh motosikal.


Motosikal Chong Han dibasuh dengan mengangkat sebuah baldi air.

**BAHAGIAN C: BINA AYAT (10%)**

ulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.

1.	lauk-pauk	
2.	gotong-royong	
3.	kuih-muih	
4.	bengkang-bengkok	
5.	riuh-rendah	

**SEKOLAH MENENGAH PAY FONG**  
**PEPERIKSAAN PENEMPATAN MENENGAH RENDAH SATU**  
**SESI PERSEKOLAHAN 2024**  
**BAHASA MELAYU**

Nama : \_\_\_\_\_  
Tarikh: 14 Oktober 2023 (Sabtu) 

Angka Giliran: \_\_\_\_\_  
Masa: 9.00 pagi ~ 9.50 pagi

**Arahan:**

- Kertas soalan ini mengandungi **TIGA** bahagian, iaitu **Bahagian A** (Soalan Objektif), **Bahagian B** (Memilih Ayat yang sama Maksud) dan **Bahagian C** (Bina Ayat). Anda **PERLU** menjawab semua soalan.
- Jawab **Bahagian A** pada kertas jawaban ‘O’
- Jawab **Bahagian B** dan **Bahagian C** pada kertas soalan tersebut.

**BAHAGIAN A: SOALAN OBJEKTIF (80%)**

**Soalan 1 hingga Soalan 5**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

Jay Chou  
60, Taman Serindit,  
62400 Seremban,  
Negeri Sembilan.

Ketua Polis Daerah Seremban,  
Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban,  
62400 Seremban,  
Negeri Sembilan.

14 OKTOBER 2023.

Tuan,

Aduan tentang Kejadian Lumba Haram

Berhubung perkara di atas, dimaklumkan bahawa suatu kegiatan lumba haram sering berlaku di Taman Serindit ini.

2. Kegiatan haram ini sering dilakukan pada malam minggu. Perlumbaan ini bermula selepas jam 11.00 malam. Berpuluhan-puluhan buah motosikal terlibat dalam perlumbaan tersebut. Perlumbaan ini sering melalui Jalan Serindit 10 ke Bulatan Serindit dan kembali ke Jalan Serindit 10. Jalan ini menjadi pilihan mereka kerana jalan ini lebih lebar jika dibandingkan dengan jalan-jalan lain di kawasan perumahan ini.

3. Kegiatan lumba haram ini telah mengganggu ketenteraman penduduk setempat. Bunyi bising motosikal dan riuh-rendah sorakan penyokong pada tengah malam amat mengganggu ketenteraman kami terutamanya bagi penduduk yang mempunyai anak kecil. Anak-anak kecil akan terjaga apabila mendengar bunyi bising ini. Kegiatan ini juga mungkin mengakibatkan berlakunya kemalangan.

4. Saya berharap pihak tuan akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap masalah ini. Kerjasama yang akan diberikan oleh pihak tuan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



(JAY CHOU)

1. Apakah tujuan utama Encik Jay Chou menulis surat ini?
  - membuat aduan tentang kegiatan lumba haram
  - memberitahu lumba haram berlaku selepas jam 11.00 malam
  - mengadu bunyi bising motosikal
  - mengharapkan polis mengambil tindakan
2. Kepada siapakah surat ini ditujukan?
  - Ketua Polis Daerah Seremban
  - Pelumba-pelumba haram
  - Penduduk Jalan Serindit 10
  - Penyokong lumba haram

3. Apakah sikap dalam diri Encik Jay Chou yang patut kita contohi?  
 A. suka menyibuk      B. prihatin      C. pemurah      D. suka menunjuk-nunjuk
4. Kegiatan lumba haram membawa kesan negatif berikut, **kecuali**  
 A. mengganggu ketenteraman penduduk setempat  
 B. boleh menyebabkan kemalangan      C. bunyi yang terlalu bising  
 D. anak kecil tidur nyenyak
5. Pada pendapat anda, apakah tindakan berkesan yang boleh dilakukan oleh pihak polis?  
 A. menutup semua jalan di kawasan perumahan tersebut  
 B. membuat rondaan di kawasan perumahan tersebut  
 C. menangkap penyokong lumba haram  
 D. mengarahkan penduduk menangkap penganjur lumba haram

#### Soalan 6 hingga Soalan 40

Pilih jawaban yang paling tepat bagi setiap soalan di bawah.

6. Kami akan menghantar \_\_\_\_\_ permohonan untuk mengisi jawatan itu.  
 A. berita      B. sijil      C. maklumat      D. surat
7. Pihak penganjur memilih beberapa orang \_\_\_\_\_ yang terkenal untuk memperagakan fesyen di gedung pakaian.  
 A. usahawan      B. seniman      C. peragawan      D. biduan
8. Para pelajar \_\_\_\_\_ tangan kepada pelawat yang tiba di sekolah mereka.  
 A. menggoyangkan      B. melambaikan      C. menepuk      D. menjabat
9. “Saya akan datang untuk berlatih bersama-sama Tommy dan Nathan. \_\_\_\_\_ akan tiba di padang pada jam 3.00 petang,” kata Harun.  
 A. Mereka      B. Saya      C. Kita      D. Kami
10. Jalan raya yang \_\_\_\_\_ itu akan dilebarkan untuk mengelakkan kemalangan di kawasan itu.  
 A. dekat      B. lurus      C. rata      D. sempit
11. Pelajar yang cemerlang itu menerima hadiah \_\_\_\_\_ Tuan Pengetua.  
 A. daripada      B. kepada      C. dari      D. untuk
12. Sesetengah haiwan \_\_\_\_\_ musuh dengan menukarkan warna kulit mengikut persekitarannya.  
 A. mengelirukan      B. mendedahkan      C. memesongkan      D. menghindarkan
13. Datuk Bendahara menghadap \_\_\_\_\_ sultan untuk mendapat perkenan sebelum melaksanakan tugas itu.  
 A. hamba      B. baginda      C. anda      D. beliau
14. Aminah memakai tiga \_\_\_\_\_ rantai emas yang bernilai hampir tiga ribu ringgit.  
 A. helai      B. utas      C. ulas      D. buah
15. “Marilah \_\_\_\_\_ menziarahi Sim Hui Ling di hospital,” Anita mengajak rakan-rakannya.  
 A. kami      B. kita      C. kamu      D. saya
16. \_\_\_\_\_ yang ingin menghulurkan derma kepada mangsa gempa bumi di negara China bolehlah mengirimkan wang pos kepada alamat yang tertera.  
 A. Siapa      B. Sesiapa      C. Sesetengah      D. Semua
17. “\_\_\_\_\_ nama kawan awak?” Tanya Lina kepada Asraf.  
 A. Mengapakah      B. Apakah      C. Siapakah      D. Bagaimanakah
18. Mei Yan memberitahu abangnya \_\_\_\_\_ dia akan balik dari luar negara esok.  
 A. untuk      B. bahawa      C. supaya      D. yang
19. Khabar beritanya tidak diketahui \_\_\_\_\_ dia berhijrah ke kota untuk mencari pekerjaan dua tahun lalu.  
 A. sejak      B. sebelum      C. apabila      D. bahawa
20. “Kim Keat \_\_\_\_\_ pesan kepada Faizal supaya \_\_\_\_\_ melengah-lengahkan tugas sejarah kerana masa semakin suntuk,” kata Cikgu Roslan.  
 A. jangan...sila      B. jemput...sila      C. tolong...usah      D. harap...tolong

21. Penyanyi itu tersenyum apabila menerima tepukan gemuruh daripada para \_\_\_\_\_ nya.  
 A. pembelot      B. penggemar      C. peminat      D. pejuang
22. Pertunjukan sarkas itu amat \_\_\_\_\_ semua penonton.  
 A. menakjubkan      B. membingungkan      C. merosakkan      D. melapangkan
23. Pengumuman kerajaan untuk \_\_\_\_\_ harga petrol telah menarik perhatian rakyat.  
 A. menjatuhkan      B. menurunkan      C. merendahkan      D. mengecilkan
24. Sebanyak 12 \_\_\_\_\_ tembakan dilepaskan oleh polis ke arah kereta perompak.  
 A. das      B. papan      C. longgok      D. kuntum
25. Kari ayam yang dimasak oleh kakak tidak boleh dimakan lagi kerana sudah \_\_\_\_\_.  
 A. hanyir      B. tengik      C. lemau      D. basi
26. \_\_\_\_\_, berani dia mengganggu teman wanita aku!  
 A. Eh      B. Ah      C. Amboi      D. Cis
27. Rosli memakai kasutnya \_\_\_\_\_ kerana kawannya sudah lama menunggu.  
 A. lama-lama      B. cepat-cepat      C. kemas-kemas      D. laju-laju
28. Ayah \_\_\_\_\_ di ruang tamu kerana kakak belum pulang dari sekolah.  
 A. lalu-lalang      B. pindah-randah      C. mundar-mandir      D. riuh-rendah
29. Syahmi digelar \_\_\_\_\_ kerana tidak pandai bermain bola.  
 A. kaki bangku      B. kaki botol      C. kaki ayam      D. kaki bola
30. Apakah perumpamaan yang sesuai dengan pernyataan di bawah.

Puan Siti seorang pesawah. Dia tidak sangka menerima hadiah cabutan bertuah berupa satu set barang kemas.

- A. Bagai kelip-kelip terbang malam      C. Bagai dihiris dengan sembilu  
 B. Bagai bertepuk sebelah tangan      D. Bagai bulan jatuh ke riba
31. Pilih ayat yang menggunakan tanda baca yang betul.  
 A. Mengapakah bilangan peserta seminar tidak begitu banyak seperti tahun lepas?  
 B. Mengapakah bilangan peserta seminar tidak begitu banyak seperti tahun lepas!  
 C. Mengapakah bilangan peserta seminar tidak begitu banyak seperti tahun lepas.  
 D. mengapakah bilangan peserta seminar tidak begitu banyak seperti tahun lepas?
32. Pilih **ayat pasif** yang betul bagi ayat aktif yang diberikan di bawah.
- Pemain pasukan lawan menendang bola itu.*
- A. Menendang bola itu pemain pasukan lawan.  
 B. Bola itu ditendang oleh pemain pasukan lawan.  
 C. Bola itu ménendang pemain pasukan lawan.  
 D. Menendang bola itu oleh pemain pasukan lawan.
33. Banyak faedah yang kita peroleh dengan menyertai kem motivasi.  
**Pilih perkataan sinonim bagi faedah.**  
 A. ikhtiar      B. manfaat      C. keburukan      D. kelemahan
34. Kita haruslah mengamalkan makanan yang berkhasiat dan baik untuk tubuh badan.  
**Pilih perkataan sinonim bagi berkhasiat.**  
 A. berzat      B. berpanas      C. berlemak      D. berminyak
35. Encik Rosli menjemput kenalan dan jiran-jirannya menghadiri jamuan di rumah.  
**Pilih perkataan antonim bagi menjemput.**  
 A. menangkap      B. menghalau      C. mengajak      D. melepaskan
36. Kecederaan yang dialami oleh Jessica semasa kemalangan itu meninggalkan parut.  
**Pilih perkataan antonim bagi kecederaan.**  
 A. luka      B. sakit      C. kesembuhan      D. koyakan

37. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.
- I Wanita itu ialah isteri muda Pak Omar.  
II Golongan muda perlu diterapkan dengan nilai-nilai positif.  
III Soalan yang diberi guru terlalu muda.  
IV Adila memilih untuk memakai baju kurung berwarna merah muda.
- A. I, II                      B. I, III                      C. II, III                      D. I, II, IV
38. Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan bergaris dengan betul.
- I Shahidah telah menyambut ketibaan saya dengan muka yang manis.  
II Rumah kita akan dipandang manis oleh jiran-jiran kerana suka bekerjasama.  
III Mak Bedah suka membuat kuih-muih yang manis rasanya.  
IV Anak gadis tidak manis dipandang jika suka berkeliaran pada waktu malam.
- A. I, III                      B. II, IV                      C. I, II, III                      D. I, III, IV
39. Pilih ayat yang **betul**.
- A. "Wah, berani engkau menentang aku!" Kata Sang Mangkubumi kepada Hang Lela.  
B. Amboi, sakitnya kaki saya akibat terpikak paku!  
C. Cis, sedapnya makanan yang dijual di Warung Pak Mail  
D. Wah, indahnya suasana di kawasan peranginan ini!
40. Pilih ayat yang **betul**.
- A. Mereka akan mengadakan persembahan menari itu di dewan sekolah.  
B. Semangat patriotisme perlu menyemaikan dalam diri generasi muda.  
C. Kelab Wushu diadakan hari wushu untuk menarik minat pelajar-pelajar.  
D. Dua orang pencuri itu berjaya menangkap oleh polis.